



# Pahang tawar sijil profesional kepada penjawat awam [METROTV]

---

Asrol Awang  
am@hmetro.com.my

Kuantan: Pahang mencipta sejarah apabila menjadi negeri pertama menawarkan Program Profesional Pentadbiran Awam kepada penjawat awam di negeri itu.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, program itu adalah cetusan idea Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dengan kerjasama Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS).

Katanya, idea itu dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) sebelum bersetuju mewujudkan Pusat Latihan Negeri Pahang.

"Program ini bertujuan untuk mewujudkan perkhidmatan awam berprestasi tinggi, berintegriti dan cekap dalam memberikan perkhidmatan terbaik.

"Setakat ini, program ini tidak diwajibkan tetapi kita menggalakkan penjawat awam untuk mengikutinya tetapi bergantung kepada kelayakan ditetapkan," katanya.

Wan Rosdy berkata demikian selepas Majlis Konvokesyen Pertama Program Profesional Pentadbiran Awam Pahang di Auditorium Tuanku Canselor UnIPSAS, di sini, hari ini.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak dan Naib Canselor UnIPSAS, Prof Madya Datuk Dr Mohd Zawavi Zainal Abidin

Menurutnya, seramai 156 penjawat awam di negeri ini mengikuti program itu di mana mereka perlu melengkapkan 90 jam waktu pengajian membabitkan komponen profesionalisme, pembinaan modal insan dan pengajian Islam.

"Syabas dan tahniah kepada mereka. Diharap dapat memberikan perkhidmatan terbaik," katanya.



DATUK Seri Wan Rosdy Wan Ismail (kiri) bergambar bersama graduan pada Majlis Konvokesyen Pertama, Program Professional Pentadbiran Awam Negeri Pahang, di UNIPSAS. FOTO Farizul Hafiz Awang

Disiarkan pada: April 25, 2022 @ 5:14pm

---